



بها كين فروموسي قلنچوغن

BAHAGIAN PROMOSI PELANCONGAN
JABATAN KETUA MENTERI MELAKA
LOT G-14, BANGUNAN KOTA CEMERLANG
75450, AYER KEROH, MELAKA



One Number Call Centre
+606-333 3333

Tel. : +606-232 8402 | Faks. : +606-232 8367 | E-mail : tourismmelaka2@gmail.com | Laman web : www.melaka.gov.my

JKMM.BPP: 700 – 2 / 1 / 2 Jilid 3 ()
10 Mac 2021

YBHG. DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Lorong Produktiviti,

Jalan Sultan,

46200, Petaling Jaya,

Selangor

YBhg. Dato',

**JEMPUTAN MAJLIS PELANCARAN KEMPEN MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0
DAN MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PATUH DAN AMAL SOP COVID-19 NEGERI
MELAKA BERSAMA YAB KETUA MENTERI MELAKA PADA 12 MAC 2021**

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian YBhg. Dato' kepada perkara di atas.

2. Terlebih dahulu pentadbiran ini mengucapkan terima kasih di atas kesudian pihak Perdana Produktiviti Malaysia (MPC) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka melalui Tourism Melaka dalam menganjurkan Program **Pensijilan Patuh dan Amal SOP COVID-19 Negeri Melaka**. Pihak kami turut berbesar hati menjadi negeri pertama di Malaysia 100% mengadaptasi dan mengamalkan SOP Covid-19 di semua premis dan fasiliti pelancongan dengan ketat dan sepenuh hati bagi memutuskan rantai COVID-19 bagi meningkatkan tahap keyakinan para pelancong untuk mengunjungi Melaka.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Melaka melalui Pentadbiran ini akan menganjurkan **Majlis Pelancaran Kempen Melakan Visit Melaka Packages 3.0 dan Majlis Pelancaran Program Patuh dan Amal SOP Covid-19 Negeri Melaka Bersama YAB Datuk Seri Utama Dr. Hj. Sulaiman Bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka pada 12 Mac 2021 (Jumaat), jam 2.30 petang** bertempat di **Convention Hall, Fire Fly Magical Show, Freeport A'Famosa Outlet, Alor Gajah, Melaka**.

MELAKA IS THE PLACE TO BE
MELAWAT MELAKA BERSEJARAH BERERTI MELAWAT MALAYSIA
MELAKA BANDARAYA WARISAN DUNIA UNESCO

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini.

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0
BERSAMA YAB KETUA MENTERI MELAKA PADA 12 MAC 2021**

4. Sehubungan itu, YBhg. Dato' adalah dijemput untuk hadir di majlis tersebut pada ketetapan seperti di atas. **Aturcara Program** adalah seperti di Lampiran 1.

5. Sekiranya pihak YBhg. Dato' mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai saya, **Pn. Yatie Sahlan, Pengurus Perhubungan Awam** di talian **06-232 8402** atau **013-3998949**. Kerjasama dan sokongan YBhg. Dato' berhubung perkara tersebut amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SA'ARI BIN BASIRON)
Pengurus Besar,
Bahagian Promosi Pelancongan,
b.p Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.

s.k YB Datuk Muhammad Jailani Bin Khamis,
EXCO Pelancongan, Warisan & Kebudayaan Negeri Melaka.



**ATURCARA MAJLIS
PELANCARAN KEMPEN MELAKAN VISIT MELAKA PACKAGES 3.0 DAN PELANCARAN
PROGRAM PATUH DAN AMAL SOP COVID-19 DI PREMIS PELANCONGAN
BERSAMA YAB DATUK SERI UTAMA DR. HJ. SULAIMAN BIN MD ALI,
KETUA MENTERI MELAKA
PADA 12 MAC 2021 DI CONVENTION HALL, FIRE FLY MAGICAL SHOW,
FREEPORT A'FAMOSA OUTLET, ALOR GAJAH, MELAKA**

- 2.30 petang : Ketibaan Tetamu Jemputan dan Media.
- 2.45 petang : Ketibaan YB Datuk Muhammad Jailani Bin Khamis,
EXCO Pelancongan, Warisan & Kebudayaan Negeri Melaka.
- 2.50 petang : Ketibaan YB Datuk Seri Dr. Hasim Bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka.
- 2.55 petang : Ketibaan YAB Datuk Seri Utama Dr. Hj. Sulaiman Bin Md Ali,
Ketua Menteri Melaka.
- 3.00 petang : Ucapan Alu-Aluan Pengerusi Majlis.
- 3.10 petang : Ucapan Perasmian oleh YAB Datuk Seri Utama Dr. Hj. Sulaiman Bin Md Ali,
Ketua Menteri Melaka.
- : **Pelancaran Kempen Melakan Visit Melaka Packages 3.0 &
Pakej 2 Hari 1 Malam (2D 1N) di Melaka.**
- : **Pelancaran Video Korporat Pelancongan Negeri Melaka.**
- : **Pelancaran Melaka Negeri Pertama Patuh dan Amal SOP Covid-19 di
Premis Pelancongan**
- : **Penyampaian Sijil Program Pensijilan Patuh dan Amal SOP Covid-19
Negeri Melaka**
- : **Sesi Sembang Teh Tarik Bersama YAB Ketua Menteri Melaka..**
- 5.00 petang : Penyampaian Cenderamata.
- 5.05 petang : **Persembahan Fire Fly Magical Show.**
- : Minum Petang.
- 5.30 petang : Majlis Tamat.